

# MESYUARAT AGONG TASKA PERMATA KEMAS PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3130-mesyuarat-agong-taska-permata-kemas-pangkalan-udara-butterworth](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3130-mesyuarat-agong-taska-permata-kemas-pangkalan-udara-butterworth)

BUTTERWORTH, 3 Mac 18 - Mesyuarat Agung Taska Permata KEMAS Pangkalan Udara Butterworth telah diadakan di Taska Permata KEMAS Pangkalan. Seramai 30 orang di kalangan para ibubapa anak-anak Taska Permata menghadiri mesyuarat yang diadakan. Turut hadir ke mesyuarat tersebut YBhg Pemangku Komander Pangkalan, YBhg Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM dan isterinya Puan Nur Shahidaa binti Abdullah selaku Pengerusi Taska Permata KEMAS Pangkalan Udara Butterworth, wakil AJK BAKAT Pangkalan Puan Lim Hooi Heong, Timbalan Pengerusi BAKAT Pangkalan dan wakil Biro Pendidikan BAKAT Pangkalan, Puan Minarni ke Taska Permata KEMAS.

Dalam mesyuarat yang diadakan, pelbagai agenda telah dibincangkan. Antaranya ialah pembentangan kewangan tahun 2017, perlantikan Ahli Jawatan Kuasa yang baru dan aktiviti-aktiviti taska yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2018. Dalam mesyuarat itu juga, telah diadakan upacara penyerahan Sijil Penghargaan kepada guru-guru Taska Permata KEMAS Pangkalan. Mesyuarat selesai pada jam 1100.



